From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 9 August, 2022 9:26:50 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Terima Kunjungan Panglima Pasukan Simpanan TLDM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 OGOS 2022 / 11 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

NAIB CANSELOR TERIMA KUNJUNGAN PANGLIMA PASUKAN SIMPANAN TLDM















UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah telah menerima kunjungan hormat daripada Panglima Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Pertama Azeman Yusoff di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, tengah hari semalam.

Kunjungan itu bertujuan membincangkan tentang inisiatif kerjasama yang boleh dilaksanakan secara bersama antara UUM dan TLDM.

Haim Hilman berkata, pertemuan itu akan menjadi titik permulaan kepada jalinan kerjasama strategik antara TLDM dan UUM.

"Kedua pihak boleh bekerjasama mengadakan program atau acara universiti bersama PALAPES dan pada masa sama melihat hala tuju PALAPES bagi tempoh lima tahun akan datang.

"Adalah menjadi harapan saya agar TLDM dapat membantu UUM dalam pelaksanaan program dan pembangunan modal insan mengikut kepakaran yang ada di organisasi masing-masing," katanya yang turut menawarkan peluang melanjutkan pengajian kepada warga TLDM yang berminat.

Beliau turut menerangkan tentang peluang kerjasama strategik yang boleh dilaksanakan antara UUM dan TLDM.

Sementara itu, Azeman berkata, beliau menyambut baik cadangan kerjasama berkenaan khususnya dalam meningkatkan kebolehpasaran pelajar dari PALAPES dalam aspek disiplin, berdaya saing dan cemerlang akademik.

Menurutnya, dengan perbincangan yang diadakan itu akan dapat merintis kerjasama baharu antara kedua-dua organisasi.

Hadir sama, Pegawai Staf KD Sri Pinang TLDM, Leftenan Komander Ahmad Shamil Mohd Ezmi dan Pegawai Koordinasi PALAPES Laut UUM, Leftenan Madya Mohamad Muizzuddin Norhalimi serta pegawai-pegawai kanan UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.